

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 19 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 32

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1143-L4496
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah dengan penubuhan Bahagian Juru Ukur Bangunan di JKR ianya akan mengambil kira profesion Juru Ukur Bangunan itu sendiri.
2. PN-1143-L4498
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk program-program yang telah dilaksanakan dalam menangani masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja.
3. PN-1143-L4446
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kewujudan laman web lucah yang kini keterlaluan dan menjolok mata dan mereka semakin berani mencabar pihak berkuasa dengan menjadikan laman web atau blog ini sebagai transit untuk menjual maruah gadis remaja Melayu tanpa mempedulikan sensitiviti masyarakat Islam. Diminta agar pihak berkuasa dapat bertindak dengan lebih tegas dan agresif terhadap dalang laman web tersebut.
4. PN-1143-L4335
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menyerapakan kakitangan guru penyelia KEMAS ke jawatan tetap dan berpencen, kerana sebilangan besar daripada mereka sekarang ini masih berkhidmat secara kontrak.

5. PN-1143-L4457
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah benar pada hari ini terdapat lebih banyak kediaman yang telah dibangunkan berbanding dengan permintaan, dan apakah ini akan menyebabkan harga rumah di pasaran tempatan jatuh.
6. PN-1143-L3890
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pendapatan per kapita petani dari tahun 2002-2006 mengikut negeri.
7. PN-1143-L3989
Dato' Wong Siong Hwee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengikut Perlembagaan Persekutuan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri boleh membangunkan tanah mengikut perancangan negeri. Bagaimanapun, terdapat beberapa projek yang memerlukan pembukaan tanah dan hutan yang luas serta boleh mengakibatkan kesan negatif kepada alam sekitar. Nyatakan apakah bentuk kawalan Kerajaan Persekutuan ke atas perancangan dan pelaksanaan projek sedemikian.
8. PN-1143-L4106
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah LUTH hanya menggunakan MAS yang mengangkut jemaah haji dengan kapal terbang yang muatan penumpangnya kecil sedangkan MAS berkemampuan untuk menggunakan kapal terbang yang lebih besar.
9. PN-1143-L3872
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi lebih lesen pembekal beras apabila tempoh perjanjian BERNAS tamat pada tahun 2011.
10. PN-1143-L4084
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah peniaga Bumiputera yang mendapat pinjaman dari mana-mana bank di negara kita dan mengapa masih ada rungutan di kalangan peniaga Bumiputera berhubung kelewatan dan halangan-halangan peminjaman.

11. PN-1143-L3709
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan terdapat beberapa kes jenayah yang telah terlepas daripada cengkaman undang-undang semata-mata kerana pihak pendakwa gagal menjalankan siasatan secara terperinci yang mengakibatkan bukti yang tidak cukup atau kukuh. Perkara seperti ini, jika dibiarkan berleluasa, akan mencemarkan nama baik negara kerana ianya menampakkan kita seolah-olah tidak mampu menegakkan keadilan. Apakah langkah Kementerian untuk memantapkan lagi kemahiran para penyiasat kes-kes jenayah serta membekalkan alat-alat tercanggih untuk membantu dalam penyiasatan.
12. PN-1143-L4021
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk melancarkan kembali Rancangan Buku Hijau.
13. PN-1143-L3870
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan penerbangan FireFly dari Subang ke Alor Setar agar membantu dan menjayakan kempen Tahun Melawat Negeri Kedah 2008.
14. PN-1143-L4081
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah relevan 'ratings' yang dibuat oleh agensi luar negara seperti CPI, Press Freedom, Quality of Life dan adakah terbukti ia boleh mempengaruhi kemasukan dana asing dan pelancong ke dalam negara.
15. PN-1143-L3999
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan dalam usaha membanteras masalah penagihan dadah, adakah Kerajaan sering menjalankan kajian ke atas modality yang digunakan di pusat pemulihan sama ada jenis rawatan ini berkesan atau serta melihat kepada dimensi rawatan baru seperti pendekatan teologi dan farmakologi dan 'Motivational Enhancement Therapy' yang sepatutnya dilaksanakan secara meluas.
16. PN-1143-L4039
Tuan Chiu Tiang Chai minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat ini berapakah jumlah pinjaman yang telah diluluskan di bawah Skim Belia Tani, bertujuan untuk memberi kemudahan pinjaman perniagaan dalam bidang pertanian kepada golongan belia yang berminat dan apakah kejayaan peringkat awal skim ini.
17. PN-1143-L3798
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah sebarang cadangan untuk menyelaraskan harga penggunaan air bagi seluruh negara.

18. PN-1143-L4184
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian setakat ini terhadap usaha penambah baik sistem penyampaian jentera Kerajaan dan senaraikan pencapaian Kementerian atau jabatan tersebut mengikut tahap kejayaan sekiranya boleh.
19. PN-1143-L3953
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina yang telah terlibat atau telah memulakan kelas tadika dan berapakah jumlah pelajar yang terlibat dalam program ini sejak lima tahun yang lepas.
20. PN-1143-L4265
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada Majlis Media akan ditubuhkan.
21. PN-1143-L3722
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan akan membuat penyelidikan secara terperinci sebab-sebab dan apakah langkah-langkah tertentu yang boleh diambil bagi mengatasi masalah berkaitan penganiayaan dan pembunuhan kanak-kanak sepertimana yang telah berlaku di Johor dan Pulau Pinang dan adakah undang-undang yang sedia ada memadai bagi menghukum mereka yang disabit kesalahan sebegini.
22. PN-1143-L3821
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada jamuan yang sedang dirancang oleh Kementerian untuk meraikan pemilihan Malaysia sebagai AJK Asia-Pacific, UNESCO baru-baru ini merupakan satu pembaziran.
23. PN-1143-L4380
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan keadaan jenayah dan ketakutan terhadap jenayah di negara menjadi lebih serius berbanding tiga tahun dahulu dan bagaimana tiga cadangan utama Suruhanjaya DiRaja Polis terhadap mengurangkan jenayah, menghapuskan rasuah dan menghormati hak asasi manusia dapat dicapai.
24. PN-1143-L4284
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kes penerima jantung, Tee Hui Yee dan Siti Salmah mendedahkan betapa ramai rakyat Malaysia kurang prihatin dengan kempen menderma organ kepada mereka yang memerlukannya. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai orang untuk menderma organ.

25. PN-1143-L3732
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan atau pelan bertindak serta strategi Kerajaan untuk menangani pelbagai isu sensitif dari segi agama dan keturunan yang telah dirangka di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional demi menyuburkan nilai perpaduan dan silaturahim di kalangan pelbagai kaum di Malaysia dalam RMK-9 ke arah pembinaan bangsa yang utuh.
26. PN-1143-L4228
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah strategi serta kesempatan yang telah dan akan diambil semaksima mungkin oleh Kementerian bagi memastikan dasar luar negara dan peranannya senantiasa dihormati dan disanjung memandangkan imej dan keikhlasan kepimpinan negara khususnya YAB. Perdana Menteri begitu dihormati di peringkat antarabangsa.
27. PN-1143-L4123
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan ketika menjayakan majlis sambutan ke-50 tahun kemerdekaan negara pada 31 Ogos lalu dan apakah impaknya kepada sektor pelancongan serta semangat perpaduan kaum di negara ini.
28. PN-1143-L4460
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapa polis masih gagal di dalam menyelesaikan kes pembunuhan kejam Nurin Jazelin sedangkan bukti-bukti semakin banyak dikumpul, malah didapati polis seolah-olah buntu, ini membimbangkan rakyat bahawa polis tidak mempunyai kepakaran di dalam menyelesaikan kes-kes seumpama ini.
29. PN-1143-L3921
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan dilakukan oleh Kementerian terhadap kelas-kelas tuisyen swasta dilakukan di seluruh negara setakat ini.
30. PN-1143-L3776
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah sebarang hasrat untuk menaikkan harga petrol dan diesel.
31. PN-1143-L3749
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanannya setelah 139 Pejabat Penerangan Daerah di seluruh negara diubah wajah yang akan berfungsi sebagai 'Pusat Maklumat Rakyat' (PMR) iaitu menjadi hub maklumat kepada masyarakat selaras dengan misinya iaitu 'Penggerak Minda Rakyat'.

32. PN-1143-L3942
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan kenapakah iklan mempromosi produk atau makanan ringan masih dilakukan oleh media walaupun ianya diketahui bercanggah dengan larangan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran yang tidak menggalakkan kanak-kanak memakan makanan ringan.
33. PN-1143-L3911
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kedudukan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di dalam sistem persekolahan dan sejauh mana sambutan bahasa ketiga di sekolah dan peratusan kelulusan yang telah dicapai setakat ini.
34. PN-1143-L4256
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah penerbangan AirAsia yang terlewat bagi penerbangan dalam negeri dan antarabangsa bagi Januari hingga Disember 2006 dan Januari hingga September 2007.
35. PN-1143-L3933
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mengadakan peraturan untuk meminta pemandu-pemandu yang terlibat dalam pelanggaran kecil yang tidak menyebabkan kematian atau kecederaan mengalihkan kenderaan mereka dari tempat kejadian ke tempat yang sesuai bagi mengelakkan berlakunya kesesakan jalan, sama ada di jalan raya atau di lebuhraya.
36. PN-1143-L3834
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan GLC-GLC yang juga menggunakan tenaga buruh haram sebagaimana dilaporkan oleh sesetengah media masa.
37. PN-1143-L4172
Dato' Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dapatan-dapatan jawatankuasa unjuran berkaitan dengan keperluan dan pembekalan guru untuk SK, SJKC, SJKT dan sekolah menengah bagi tahun 2008-2012, berapakah kekurangan guru dan "mismatch" yang dialami bagi setiap aliran dan pembekalan yang dirancang.
38. PN-1143-L4281
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bahawa tambang bagi pengangkutan awam akan dinaikkan pada tahun depan untuk menjamin keselesaan penumpang. Adakah Kementerian memantau sama ada kenaikan tambang tersebut setaraf dengan perkhidmatan pengangkutan awam yang diberikan.

39. PN-1143-L4041
Tuan Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan menangani masalah percanggahan undang-undang (Conflict of Law) di antara Undang-undang Sivil/Jenayah dengan Undang-undang Adat Anak Negeri di Sabah, contohnya ialah mengikut Undang-undang Adat Anak Negeri di Sabah, seseorang lelaki boleh mengahwini perempuan di bawah umur 16 tahun, tetapi dalam undang-undang jenayah, lelaki tersebut boleh didakwa atas kesalahan merogol di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.
40. PN-1143-L4087
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar pengawasan rapi dari BPR terhadap syarikat seperti Amanah Raya Berhad telah meningkatkan pendapatan syarikat tersebut dan apakah kaitan pengawasan rapi dengan peningkatan penghasilan pendapatan.
41. PN-1143-L4208
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan langkah RTM memperbaiki sistem penyampaian maklumatnya supaya lebih berkesan terutamanya mengenai isu semasa dan isu pembangunan seperti WPI yang kurang difahami oleh orang ramai.
42. PN-1143-L4439
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kegiatan sosial remaja Melayu hari ini yang kian bebas tanpa sekatan dan halangan serta sikap yang kehilangan sopan santun di khalayak ramai yang boleh mencemarkan kesucian dan kemurnian Islam.
43. PN-1143-L4387
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tahap atau peratusan penglibatan wanita dalam kepimpinan di negara ini dan berikan contoh. Nyatakan juga apakah perancangan atau langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk mengurus perdanakan isu wanita dalam negara ini.
44. PN-1143-L3707
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pembangunan yang tidak terancang yang menyebabkan ketidakseimbangan alam sekitar dan juga membahayakan keselamatan orang awam contohnya pembinaan perumahan di kawasan kabel berkuasa tinggi. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian di dalam mengatasi masalah ini dari terus berlaku.

45. PN-1143-L4364
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rasional pengurangan waktu mengajar guru-guru disiplin dan bilakah sebenarnya pelaksanaan itu akan dimulakan dan berapa jumlah guru-guru disiplin yang bakal terbabit.
46. PN-1143-L4323
Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah kajian dilakukan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan konsep Bandar Selamat yang telah dilaksanakan di negara ini dalam membantu mengurangi kejadian-kejadian jenayah terutamanya yang berkaitan dengan kes-kes rogol dan bunuh.
47. PN-1143-L4399
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kelulusan permohonan kewarganegaraan pada tahun 2004, 2005, 2006, dan 2007 oleh warga negara asing yang menetap di negara ini.
48. PN-1143-L3862
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah diambil bagi mengawal kemasukan pendatang asing yang boleh menjejaskan peluang pekerjaan penduduk tempatan dan peningkatan bilangan kes jenayah.
49. PN-1143-L4377
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah dagangan yang telah termeterai dan terjalin di antara Malaysia dengan negara-negara yang terlibat di Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) sejak ianya dilancarkan.
50. PN-1143-L3976
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa lamakah seorang penerima bantuan kebajikan perlu menunggu untuk mendapatkan bantuan kebajikan setelah permohonannya diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
51. PN-1143-L4497
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah penghayatan sejarah Negara di kalangan IPTA dan IPTS kurang berkesan.
52. PN-1143-L3892
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah wujud tindakan yang boleh dikenakan terhadap golongan wanita yang menyerupai lelaki atau lelaki yang menyerupai wanita yang semakin berleluasa pada masa kini di kalangan remaja.

53. PN-1143-L3973
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kerajaan telah bersedia untuk menghentikan perkhidmatan Nuri dan apakah tindakan Kerajaan memastikan kemalangan-kemalangan sama ada disebabkan oleh 'human error' ataupun 'technical error' tidak berulang lagi.
54. PN-1143-L4173
Dato' Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah usaha untuk mewujudkan syarikat dan korporat kerjasama pelbagai kaum sebagai "synergy" membentuk kelebihan untuk menjadikan satu model Malaysia bagi menerokai pasaran tempatan dan lebih-lebih lagi pasaran antarabangsa.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|--------------------------|
| 1. | (D.R. 47/2007) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2007
(Perdana Menteri) | Bacaan Kali Kedua |
| 2. | (D.R. 44/2007) | Rang Undang-undang Kewangan 2007
(Menteri Kewangan) | “ |
| 3. | (D.R. 39/2007) | Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007
(Menteri Kewangan) | “ |
| 4. | (D.R. 45/2007) | Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia Berhad 2007
(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani) | “ |
| 5. | (D.R. 40/2007) | Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2007
(Perdana Menteri) | “ |
| 6. | (D.R. 41/2007) | Rang Undang-undang Pembangunan Mineral (Pindaan) 2007
(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar) | “ |
| 7. | (D.R. 49/2007) | Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2007
(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar) | “ |

8. PN-1143-U4231

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.235	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	19 Disember 2007
ST.253	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia (USM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	19 Disember 2007